

Kajian Terhadap Taraf Hadis dalam Penulisan *Living Hadith*

[A Study on the Status of Hadiths in Living Hadith Writings]

**Norsaleha Mohd. Salleh^{1*}, Mohd Farid Ravi Abdullah¹, Abur Hamdi Usman¹,
 Rosni Wazir¹, Abu Zaki Ismail¹, Lily Suzana Hj. Shamsu², & Nurul Ain
 Burhanuddin¹**

¹ Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

² Faculty of Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347 Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

* Correspondence Author: Dr. Norsaleha Mohd. Salleh. Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: norsaleha@kuis.edu.my

Keywords:

*Status; Hadith; Living
 Hadith; Indonesia;
 Tradition*

ABSTRACT

*Living hadith is a term that was transformed from the living sunnah by Fazlur Rahman and traditional living by Joseph Schacht. The term has been widely used by scholars in Indonesia. The purpose of this study is to identify the status of the hadiths used in the writings related to living hadith. A total of 10 works that fulfil the scope of the study was selected for the assessment of the status of the hadiths used in the writings. All of these writings refer to the practices and traditions of the local community called living hadith. Studies show that all of the scholars have placed a great emphasis on the status of the hadiths when they were placing the living hadith as the basis for the local community practices and traditions, moreover, all practices and traditions of the people are considered as living hadith such as performing berzanji (barzanji), reciting qunut during the evening prayers, performing Balimau bathing (a ritual to celebrate the month of Ramadan), guarding the tomb, doing membadakan paja (a custom of powdering a baby powder for a bath in a river), cupping, embarking on a journey to seek knowledge, doing Arebbe (supper after tarawih prayer at the mosque or surau during the fasting month), reciting Yasin and Qasidah Diba' (a Thursday's night tradition of Diba' Bil Mustofa). A total of 18 hadiths were found in these 10 living hadith writings, of which 10 *ṣaḥīḥ* (authentic), 1 *ḥasan* (good), 2 *ḥasan gharīb* (fairly good), and 5 weak (*ḍa'īf*) hadiths. It is hoped that this study will be a preliminary step in the effort to create awareness among the community to be more cautious towards the use of hadiths because ignorance towards the status of hadiths can cause the deviation of the Sharia from the original teachings of the Messenger of Allah.*

Kata Kunci:

*Taraf; Hadis; Living
 Hadith; Indonesia; Tradisi*

ABSTRAK

Living hadith ialah istilah yang telah ditransformasikan daripada living sunnah oleh Fazlur Rahman dan living traditional oleh Joseph Schacht. Istilah ini telah digunakan secara meluas oleh sarjana di Indonesia. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti taraf hadis yang digunakan dalam penulisan yang berkaitan living hadith. Sebanyak 10 artikel daripada jurnal tertentu yang memenuhi skop kajian telah dipilih untuk

dinilai taraf hadis yang digunakan dalam penulisan tersebut. Semua penulisan ini merujuk amalan dan tradisi masyarakat setempat yang dinamakan sebagai *living hadith*. Kajian menunjukkan kesemua ahli sarjana menitikberatkan taraf hadis ketika mereka meletakkan sandaran *living hadith* dalam amalan dan tradisi masyarakat, malah semua amalan dan tradisi masyarakat disandarkan sebagai *living hadith* seperti barzanji (berzanji), bacaan qunut ketika solat maghrib, mandi balimau (ritual menyambut bulan Ramadan), menjaga kubur, membadakan paja (adat memakai bedak pada bayi untuk mandi sungai), bekam, merantau dalam menuntut ilmu, tradisi Arebbe (moreh), bacaan Yasin dan Majlis Qasidah *Dibā'* (tradisi malam Khamis Majlis Selawat *Dibā' bi al-Muṣṭafā*). Sebanyak 18 buah hadis dijumpai dalam penulisan artikel berkaitan *living hadith* ini. Kajian menunjukkan 10 hadis daripadanya bertaraf hadis sahih, 1 hadis bertaraf hadis *hasan*, 2 hadis bertaraf *hasan gharīb* dan 5 hadis bertaraf *ḍa'īf*. Diharapkan kajian ini menjadi langkah awal dalam usaha untuk menyedarkan masyarakat supaya lebih peka dalam penggunaan hadis kerana sikap sambil lewa terhadap status hadis boleh menyebabkan syariat agama terpesong dari ajaran asal Rasulullah SAW.

Received: March 31, 2020

Accepted: April 21, 2020

Online Published: June 30, 2020

1. Pendahuluan

Perkataan hadis adalah asal kata dari perkataan "*ḥadatha*" yang dari sudut bahasanya bererti baru (lawan *qadīm*) atau cakap atau berita. Secara etimologi perkataan hadis membawa erti yang pelbagai antaranya dari sudut perbuatan (Ibn Manẓūr, t.th.). Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 42:

يَوْمَئِذٍ يُوَدُّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَعَصُوا الرَّسُولَ لَوْ تُسَوَّى بِهِمُ الْأَرْضُ وَلَا يَكْتُمُونَ لِلَّهِ حَدِيثًا

Maksudnya:

Pada hari itu orang-orang yang kafir dan menderhaka kepada Rasulullah, suka jika mereka disama ratakan dengan tanah (ditelan bumi) dan (ketika itu) mereka tidak dapat menyembunyikan sepatah kata pun dari pengetahuan Allah.

Penyebaran hadis tanpa mengambil kira tarafnya merupakan satu fenomena yang baharu dalam masyarakat Islam khususnya di Indonesia (Gusnanda, 2017). Sekiranya hadis yang disandarkan bertaraf *ḍa'īf* maka ianya mempunyai kesan berbahaya kepada akidah umat Islam (Asni, Sulong & Ismail, 2017). Dalam hal ini, Rasulullah SAW sendiri telah mengingatkan para Sahabat dan pengikut Baginda SAW supaya tidak terjerumus dalam pemalsuan dan pendustaan terhadap Baginda SAW. Sabda Rasulullah SAW:

عَنِ الْمَغِيرَةِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «إِنَّ كَذِبَ عَلِيٍّ لَيْسَ كَكَذِبِ عَلِيٍّ أَحَدٍ، مَنْ كَذَبَ عَلِيٍّ مُتَعَمِّدًا، فَلْيَبْشُرْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ»

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Janā'iz, Bāb Mā yukrahu min al-niyāḥah 'alā al-mayyit*, No. 1291, *Ṣaḥīḥ*]

Maksudnya:

Daripada al-Mughīrah RA berkata: "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya berdusta atasku tidak seperti berdusta atas orang yang lain. Barangsiapa berdusta atasku dengan sengaja, maka hendaklah dia mengambil tempat tinggalnya di neraka". "


Maka jelaslah di sini bahawa dari sudut bahasa, perkataan hadis memberi erti perkhayaban atau perbuatan dan cerita, sama ada berkaitan dengan keagamaan, keduniaan atau yang telah berlaku dan sama ada ianya sedikit ataupun banyak (Mustafa, 1988). Sementara dari sudut istilah pula membawa erti; sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada perkataan, perbuatan, ikrar (pengakuan) atau sifat. Menyandarkan sesuatu perkara kepada Rasulullah SAW apabila ia bukan berasal dari Baginda SAW adalah dilarang sama sekali. Hukuman bagi orang yang berdusta di atas nama Rasulullah SAW tempatnya adalah di neraka (al-Qāsimī, 1979).

Maka, muncul tradisi masyarakat yang mengaplikasi cara hidup Rasulullah SAW dalam kehidupan harian bertujuan ingin mencontohi dan melahirkan rasa cinta kepada Baginda SAW. Kesemua tradisi dan amalan yang menjadi pegangan hidup masyarakat dianggap acuan kepada keperibadian Baginda SAW. Namun, apa yang menjadi perbincangan kajian ini adalah sejauhmana kebenaran hadis yang digunakan seiring dengan amalan agar tidak terpesong daripada landasan agama yang sebenar. Pemikiran Fazlur Rahman seorang pemikir Islam liberal tidak sama dengan aliran semasa ulama Islam yang lain terhadap hadis Rasulullah SAW. Fazlur Rahman mempunyai kecenderungan menerima pandangan orientalis lantang mengkritik hadis iaitu Ignaz Goldziher dan Joseph Schacht berpendapat bahawa hadis dan sunnah tidak sepenuhnya datang daripada Rasulullah SAW (Kizil, 2008). Konsep *living sunnah* oleh Fazlur Rahman adalah dapatan bagaimana sesebuah hadis itu diadaptasikan dalam kehidupan masyarakat Madinah berbentuk amalan harian (*hadith in daily life*) dan beranggapan bahawa ia tidak mempunyai kaitan langsung dengan Rasulullah SAW (Salleh, Usman, Wazir, Shamsu, & Burhanudin, 2020). Konsep *living hadith* ini kemudiannya diwacanakan oleh sekumpulan sarjana daripada Indonesia antaranya Suryadilaga yang kerap melakukan kajian *living hadith* sehingga menghasilkan sebuah model *living hadith* di Indonesia serta menjadi rujukan ahli sarjana Indonesia yang lain. Menurut (Suryadilaga, 2016) *living hadith* yang digunakan oleh masyarakat di Indonesia berbeza dengan pandangan Fazlur Rahman. *Living hadith* di Indonesia lebih didasari tradisi yang bersandarkan hadis dengan penggunaan model *living hadith* yang berkembang dalam tradisi Islam, yang terangkum dalam tiga aspek iaitu tradisi tulisan, tradisi lisan dan tradisi amalan.

Sehubungan dengan itu, kajian dilakukan untuk mengetahui taraf hadis yang dijadikan sandaran oleh masyarakat sehingga terbentuknya adat dalam kalangan masyarakat, di samping mengetahui tahap keprihatinan pengkaji-pengkaji di Indonesia dalam kajian *living hadith*. Oleh kerana hadis merupakan sumber kedua pensyariaan, maka ia mempunyai keutamaan dan kepentingan yang besar dalam memahami Islam dan mengetahui hukum-hakamnya. Menjadi satu kepastian bagi seorang muslim untuk mempelajari makna hadis dan mengenali tujuan serta objektifnya. Ini yang dinamakan sebagai kefahaman yang baik terhadap hadis; ia membolehkan umat Islam beramal bertepatan dengan tujuan syarak yang ditetapkan oleh Allah SWT. Penggunaan hadis harus diteliti melalui taraf hadis bagi memastikan kesahihannya sebelum digunakan sebagai dalil, mengeluarkan hukum mahupun beramal dengannya (Ghourī, 2018).

2. Model Living Hadith

Living hadith bermaksud tradisi amalan masyarakat yang bersumber dari pemaknaan hadis Nabi Muhammad SAW. Ini juga bermakna hadis Rasulullah SAW dijadikan acuan umat Islam dalam menghayati kehidupan (Suryadilaga, 2016). Model *living hadith* yang digunakan oleh Suryadilaga (2016) merangkumi tiga aspek iaitu tradisi tulisan, tradisi lisan dan tradisi amalan, seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 1.



Rajah 1. Model *Living Hadith* (Suryadilaga, 2016)

2.1 Tradisi Tulisan

Tradisi tulisan adalah satu paparan tulisan hadis terpampang di tempat-tempat yang strategik seperti di dalam bas, masjid, sekolah, pusat pengajian tinggi dan lain-lain. Kewujudan tradisi yang berlaku dalam kalangan

masyarakat Islam di Indonesia antaranya bersumberkan dari hadis Rasulullah SAW (Adrika, 2014). Di dalam konteks ini, tidak semua yang dipaparkan berasal dari hadis Rasulullah SAW. Ada di antaranya yang bukan hadis namun dianggap masyarakat sebagai hadis. Seperti contoh; i) “Kebersihan itu separuh daripada iman” yang bertujuan membangunkan suasana sukakan kebersihan. ii) “Cintakan Negara itu separuh daripada iman” yang bertujuan membangunkan rasa semangat cintakan tanahair dan sebagainya. Jelas bahawa tradisi hadis secara tulis merupakan salah satu bentuk propaganda yang singkat dan padat dalam mengajak masyarakat mengamalkan hadis Rasulullah SAW (Suryadilaga, 2016).

2.2 Tradisi Lisan

Tradisi lisan adalah ungkapan hadis yang diguna dan dijadikan rujukan sesebuah tradisi (Suryadilaga, 2016). Tradisi lisan muncul seiring bersama tradisi amalan yang dijalankan oleh umat Islam seperti barzanji Bugis (Muttaqin, 2016); bacaan *yasin* (Habsatun, 2018); Majlis Qasidah *Dibā'* (tradisi malam Khamis Majlis Selawat *Dibā' bi al-Muṣṭafā*) (Adrika, 2014) dan tradisi qunut ketika solat maghrib (Aini, 2016). Amalan ini dikategorikan sebagai amalan lisan kerana pelaksanaannya memerlukan pembacaan seperti zikir dan doa selepas menunaikan solat. Sebagai contoh pembacaan qunut ketika solat maghrib, meskipun ada hadis yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW membaca qunut ketika maghrib namun perkara ini tidak menjadi satu fenomena dan ikutan ramai. Ia hanyalah sebagai salah satu kesungguhan menghidupkan hadis dalam kalangan masyarakat. Hadis yang menjadi landasan kepada amalan ini diyakini sepenuh hati oleh pengamalnya (Aini, 2016).

2.3 Tradisi Amalan

Tradisi amalan adalah sebuah ritual atau aktiviti dalam kalangan masyarakat yang dirujuk daripada sesebuah hadis Rasulullah SAW (Suryadilaga, 2016). Tradisi yang berkaitan dengan pengamalan banyak berlaku dalam kalangan masyarakat berikutan jurnal *living hadith* yang dikaji adalah lebih berbentuk tradisi amalan yang disandarkan kepada hadis Rasulullah SAW. Ini dibuktikan dengan hasil jurnal yang dikumpul di dalam kertas kerja ini seperti contoh tradisi yang menjadi amalan dalam kehidupan masyarakat Indonesia ialah tradisi menjaga kubur (Jannah, 2014); tradisi *mambadakan paja* (majlis kesyukuran menyambut kelahiran bayi yang baru lahir) (Gusnanda; 2017); fenomena bekam (Umayah, 2014); merantau dalam menuntut ilmu (Yeni, 2017); tradisi *Arebbe* (Habsatun, 2018) dan tradisi Balimau. Sebagai contoh mandi balimau, ia dilaksanakan berdasarkan pemahaman sesebuah masyarakat di Indonesia menyucikan diri apabila tibanya bulan Ramadhan. Malah, tradisi Balimau merupakan satu bentuk kesyukuran dan sambutan kedatangan bulan yang mulia. Amalan ini dikategorikan sebahagian daripada fenomena *living hadith* berbentuk tradisi amalan kerana beranggapan ia didasari oleh hadis Rasulullah SAW (Dona, 2016).

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik. Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenal pasti dapatan. Metodologi kajian menggunakan kaedah pemerhatian ke atas penulisan artikel jurnal, hadis dan *takhrīj* yang bertujuan untuk menganalisis hadis-hadis yang dijadikan rujukan oleh sesebuah masyarakat dengan menyandarkan amalan dan tradisi itu kepada hadis Rasulullah SAW. Dalam kajian ini kata kunci *living hadith* telah digunakan bagi mendapatkan data kajian. Enjin carian adalah daripada *google scholar*. Skop kajian ini adalah dengan menfokuskan dokumen penulisan artikel daripada jurnal yang membincangkan sesebuah amalan yang dijadikan sebagai sebuah tradisi dalam kalangan masyarakat Indonesia dengan menyandarkan kepada hadis Rasulullah SAW. Dapatan jurnal yang diperolehi adalah dari tahun 2014 sehingga 2018 berikutan kajian jurnal ini juga dilihat masih relevan dengan isu masa kini. Daripada 150 dokumen kajian *living hadith* yang diperolehi, hanya 10 penulisan artikel sahaja dilihat sesuai diterima untuk dianalisis, mana kala baki yang lain tidak mempunyai perbincangan hadis yang menjadi sandaran kepada sebuah amalan atau tradisi. Oleh sebab itu, pemerhatian dilakukan terhadap 10 penulisan artikel dalam konteks *living hadith* yang berkaitan dengan skop kajian serta difokuskan kepada latar belakang penulisan artikel, hadis dan status hadis. Artikel ini juga menggunakan kaedah *takhrīj* hadis melalui perisian *al-maktabah al-shāmilah*. Ini selari dengan pandangan Margono (2009), yang menganggap perisian *al-maktabah al-shāmilah* sebagai medium *takhrīj* hadis secara pantas dan tepat. Kajian ini juga menggunakan *hdith.com* bagi melihat status hadis (Pautan link: <http://hdith.com/>) sekiranya usaha untuk *takhrīj* hadis tidak ditemui dalam aplikasi *al-Maktabah al-Shāmilah*. Di samping itu, carian juga dilaksanakan dalam laman web semak hadis di mana laman web *semakhadhis.com* berusaha menghimpunkan semakan hadis dari sumber yang dipercayai bagi rujukan umat

Islam. Setiap hadis yang ada di laman web ini disertakan dengan sumber rujukan bagi membolehkan semakan dilakukan.

4. Dapatan Kajian

Berikut adalah beberapa senarai tradisi masyarakat Indonesia yang menggunakan pendekatan *living hadis* seperti yang didakwa dalam penulisan artikel-artikel yang ditulis oleh sarjana Indonesia. Kajian dilakukan berdasarkan model Suryadilaga (2016) berkaitan tiga jenis tradisi yang merangkumi tradisi tulisan, lisan dan amalan. Analisis dibincangkan berdasarkan penulisan artikel, matan hadis dan *takhrīj* hadis.

Jadual 1. Sorotan literatur secara sistematik dapatan kajian penulisan *Living Hadith*

No	Penulisan	Hadis	Takhrīj
1	“Barzanji Bugis” dalam Peringatan Maulid: Studi Living Hadis di Masyarakat Bugis, Soppeng, Sul-Sel (Muttaqin, 2016)	صَوْمُ ثَلَاثَةِ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ، وَرَمَضَانَ إِلَى رَمَضَانَ، صَوْمُ الدَّهْرِ. Maksudnya: Puasa pada tiga hari setiap bulan, ramadan kepada Ramadan, menyamai puasa sepanjang tahun. قَالَ مَالِكُ بْنُ دِينَارٍ: "عَلَامَةُ حُبِّ دَوَامُ ذِكْرِهِ لِأَنَّ مَنْ أَحَبَّ شَيْئًا أَكْثَرَ ذِكْرُهُ". Maksudnya: Berkata Mālik bin Dīnār berkata: Tanda cinta kepada Allah SWT adalah untuk terus mengingati Dia kerana pasti mereka yang mencintai sesuatu akan bertambah banyak mengingatnya	Muslim, <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i> , <i>Kitāb al-Ṣiyām</i> , <i>Bāb Istijāb Ṣiyām Thalāthat Ayyām Min Kulli Shahr wa Ṣawm Yawm ‘Arafah wa ‘Āshūrā’ wa al-Iḥnayn wa al-Khamīs</i> , No. 197, Sahih. al-Bayhaqī, <i>Kitāb Shu‘āb al-Īmān</i> , <i>Bāb Ma‘ānī al-Maḥabbah</i> , No. 501, <i>ḍa‘īf</i> .
2	Tradisi Qunut Dalam Shalat Maghrib Di Pondok Pesantren Wahid Hasyim Yogyakarta (Studi Living Hadis) (Aini, 2016)	أَنَّ رَسُولَ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقْنُتُ فِي الصُّبْحِ، وَالْمَغْرِبِ. Maksudnya: Sesungguhnya Rasulullah SAW melakukan qunut pada solat Subuh dan Maghrib.	Muslim, <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i> , <i>Kitāb al-Masājid wa Mawāḍi‘ al-Ṣalāh</i> , <i>Bāb Istijāb al-Qunūt fī Jamī‘ al-Ṣalāh idhā Nazalat bi al-Muṣlimīn Nāzilah</i> , No. 305, Sahih.
3	Tradisi Mandi Balimau Di Masyarakat Kuntu: Living Hadis Sebagai Bukti Sejarah (Dona, 2016)	مَنْ فَرَّجَ بِدُخُولِ رَمَضَانَ حَرَمَ حَسَدُهُ عَلَى النَّبِيِّ. Maksudnya: Siapa yang bergembira menyambut kedatangan bulan suci Ramadan, Allah SWT mengharamkan tubuhnya disentuh oleh api neraka.	‘Uthmān bin Ḥasan al-Khawbawī, <i>Kitāb Durratun al-Nāṣihīn</i> , <i>ḍa‘īf</i> .
4	Living Hadis Dalam Tradisi Menjaga Kubur Masyarakat Banjar Kabupaten Hulu Sungai Tengah Kalimantan Selatan (Jannah, 2014)	عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْعَبْدُ إِذَا وَضَعَ فِي قَبْرِهِ حُتُوًا وَذَهَبَ أَصْحَابُهُ حَتَّى إِنَّهُ لَيَسْمَعُ قَرْعَ نَعَالِهِمْ أَهْؤُلَاءِ مَلَكَانَ فَلَقَعَا لَهُ مَا كُنْتَ تَقُولُ فِي هَذَا الرَّجُلِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ أَشْهَدُ أَنَّهُ عَبْدٌ وَرَسُولُهُ يَقُولُ انْظُرْ إِلَى مَقْعَدِكَ مِنَ النَّارِ أَبَدًا بِكَ مَقْعَدًا مِنَ الْجَنَّةِ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَبَرَاهُمَا جَمِيعًا وَأَمَّا الْكَافِرُ أَوْ الْمُنَافِقُ يَقُولُ لَا أَدْرِي كُنْتُ أَقُولُ النَّاسُ يَقُولُ لَا دَرَيْتُ وَلَا تَلَيْتُ ثُمَّ يُضْرَبُ بِعِطْرَةٍ مِنْ حَدِيدٍ صَرْبَةً بَيْنَ لُحْيَيْهِ صَبْحَةً يَسْمَعُهَا مَنْ يَلِيهِ إِلَّا لِلتَّعَلُّبِ Maksudnya: Dari Anas bin Mālik RA dari Rasulullah SAW bersabda: “Seorang hamba apabila dimasukkan ke kubur dan ditinggal pergi oleh kerabatnya sampai ia mendengar bunyi terompah mereka, maka dua malaikat mendatanginya lalu mendudukkannya lalu keduanya bertanya	al-Bukhārī, <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i> , <i>Kitāb al-Janā‘iz</i> , <i>Bāb al-Mayyit yasma ‘khafq al-ni‘āl ahlih</i> , No. 1338, Sahih.

kepadanya: apa pendapatmu tentang lelaki yang bernama Muhammad SAW? Lalu ia menjawab aku bersaksi sesungguhnya dia hamba Allah dan utusannya, dan dikatakan lihatlah tempatmu dari neraka, Allah SWT mengganti tempatmu di syurga. Nabi SAW bersabda lalu hamba itu melihat keduanya (syurga dan neraka). Adapun orang kafir atau orang munafik ia menjawab: aku tidak tahu, jawabanku sebagaimana orang-orang, lalu ditanya kamu tidak tahu dan tidak baca? kemudian dipukul satu kali dengan alat pemukul dari besi diantara kedua telinganya, lalu menjerit, yang tidak dapat didengar oleh yang di sekitarnya kecuali oleh dua makhluk (jin dan manusia).”

- 5 Living Hadis dalam Tradisi Mambadakan Paja Masyarakat Pauh Nagari Kamang Mudik Kec. Kamang Magek Kab. Agam (Gusnanda, 2017)

حَلَلْنَا سَلَمَانَ بْنَ عَامِرٍ الضَّبِّيَّ، قَالَ: سَمِعْتُ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَعَ الْعُلَامِ عَقِيقَةً، فَأَهْرَيْقُوا عَنْهُ دَمًا، وَأَمِيطُوا عَنْهُ الْأَذَى.

Maksudnya:

Diceritakan kepada kami Salmān bin ‘Āmir al-Dabbī berkata: “Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Setiap bayi lelaki dengan aqiqahnya, kemudian sembelihlah binatang aqiqah untuknya dan menghilangkan gangguan daripadanya.”

al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-‘aḳīqah, Bāb Imāṭah al-adhā ‘an al-ṣabīy fi al-‘aḳīqah, No. 5471, Sahih.

- 6 Living Hadith: Fenomena Bekam Di Pesantren Eretan Indramayu (Umayah, 2014)

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ قَالَ حَدَّثَ رَسُولَ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ لَيْلَةَ أُسْرِي بِهِ أَنَّهُ لَمْ يَمُرَّ عَلَى مَلَأَةٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ إِلَّا أَمَرُوهُ أَنْ مُرَّ أَمَّتَكَ الْحِجَامَةَ.

Maksudnya:

Daripada ‘Abdullah bin Mas’ūd RA, Rasulullah SAW telah menceritakan kepadaku tentang malam isra’nya, sesungguhnya tidak memerintahkan seorang malaikat pun kecuali ia memerintahkan “Wahai Muhammad perintahkan umatmu agar berbekam!”

al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Abwāb al-Ṭīb, Bāb Mā Jā ‘a fī al-ḥijāmah. No. 2052, Ḥasan gharīb.

- 7 Merantau dalam Menuntut Ilmu (Studi Living Hadis oleh Masyarakat Minangkabau) (Yeni, 2017)

قَالَ رَسُولُ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ.

Maksudnya:

Rasulullah SAW bersabda: “Menuntut ilmu wajib atas setiap muslim.”

Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Bāb faḍl al-‘Ulāmā ‘wa al-ḥaṭh ‘alā ṭalab al-‘ilm, No. 224, Sahih.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ.

Maksudnya:

Daripada Abū Hurairah RA berkata: “Rasulullah SAW bersabda: “Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah SWT memudahkan baginya satu jalan untuk menuju ke Syurga.”

al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Abwāb al-‘ilm, Bāb faḍl ṭalab al-‘ilm, No. 2646, Ḥasan.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ خَرَجَ فِي طَلَبِ الْعِلْمِ كَانَ فِي سَبِيلٍ حَيٍّ يَرْجَعُ.

Maksudnya:

Daripada Anas bin Mālik RA berkata: “Rasulullah SAW bersabda: “Barangsiapa keluar dalam rangka menuntut ilmu maka dia berada di jalan Allah sampai dia kembali.”

al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Abwāb al-‘ilm, Bāb faḍl ṭalab al-‘ilm, No. 2647, Ḥasan gharīb.

- 8 Tradisi Arebbe Dalam Masyarakat Situbondo (Habsatun, 2018)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ صَلَّى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ وَعِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ وَوَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ.

Maksudnya:

Daripada Abū Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Jika

al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Waṣāyā, Bāb al-Ṣadaqāt ‘an Mayyit, No. 3651, Sahih.

seseorang manusia (Islam) meninggal dunia maka terputuslah segala amalannya melainkan tiga perkara, iaitu sedekah yang berterusan, ilmu pengetahuan yang dapat memberi faedah (kepada dirinya atau kepada orang lain) dan anak yang soleh/solehah yang beramal baik dan sentiasa mendoakan ibu bapanya”.

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ أُمِّي افْتُلِتَتْ نَفْسُهَا، وَإِنِّي أَظُنُّهَا لَوْ تَكَلَّمْتُ تَصَدَّقْتُ، فَلِي أَجْرٌ أَنْ أَتَصَدَّقَ عَنْهَا؟ قَالَ: (نَعَمْ).

Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*,
Kitāb al-Bāb Wuṣul
Thawābi al-Ṣadaqāt Ilā
Mayyit, No. 1004, Sahih.

Maksudnya:

Daripada ‘Aishah RA bahawa seorang lelaki bertanya pada Nabi SAW: “Wahai Rasulullah, sungguh ibuku telah meninggal sebelum berwasiat, kukira bila ia sempat bicara mestilah ia akan bersedekah, bolehkah aku bersedekah atas namanya? Rasulullah SAW menjawab: “Boleh”.

إِذَا تَصَدَّقَ أَحَدُكُمْ بِصَدَقَةٍ تَطَوُّعًا فَلْيَجْعَلْهَا عَنْ لَبْوَيْمَفِيكُونُ هُمَا أَجْرُهَا وَلَا يَنْتَقِصُ مِنْ أَجْرِهِ شَيْءٌ.

al-Haytamī, *Kitāb Majma’*
al-Zawā’id, ḍa’if.

Maksudnya:

Apabila seseorang di antara kamu bersedekah sunnah, hendaklah ia menjadikan sedekah atas kedua orang tuanya sehingga keduanya mendapat pahalanya, dan tidak berkurang sedikit pun pahala si anak yang mengeluarkannya.

يَسْ لِمَا قُرِئَتْ لَهُ.

al-Sakhāwī, *Kitāb al-*
Maqāṣid al-Ḥasanah,
ḍa’if.

Maksudnya:

Surat Yasin tergantung dibaca untuk apa.

عَنْ مَعْقِلِ بْنِ يَسَارٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِفَرُّوْهَا عَلَى مَوَكُّمٍ يَغْنِي يَسْ.

Āḥmad Bin Ḥanbal, *Kitāb*
Takhrij al-Musnad, ḍa’if.

Maksudnya:

Dari Ma’qil bin Yasar berkata: “Rasulullah SAW bersabda: “Bacakanlah kepada orang-orang yang meninggal di antara kalian iaitu surah Yasin”.

- 9 Living Hadis Dalam Tradisi Malam Kamis Majelis Shalawat Diba’ Bil-Mustofa (Adrika, 2014)

لَا تَجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ قُبُورًا وَلَا تَجْعَلُوا قَبْرِي عِيدًا وَصَلُّوا عَلَيَّ فَإِنَّ صَلَاتَكُمْ تَبْلُغُنِي حَيْثُ كُنْتُ.

Abū Dāwūd, *Sunan Abū*
Dāwūd, Kitāb al-Manāsik,
Bāb ziyārah al-Qubūr, No.
 2042, Sahih.

Maksudnya:

Janganlah jadikan rumahmu seperti kubur, janganlah jadikan kubur sebagai keraian sampaikanlah selawat kepadaku kerana selawat kalian akan sampai padaku di mana saja kalian berada.

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرًا صَلَوَاتٍ وَخُطَّتْ عَنْهُ عَشْرُ خَطِيَّاتٍ وَرُفِعَتْ لَهُ عَشْرُ دَرَجَاتٍ.

al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī,*
Kitāb al-Sahwī, Bāb al-
Faḍl fī ṣolāt ‘ala al-nabī,
 No. 1297, Sahih.

Maksudnya:

Barangsiapa yang berselawat kepadaku satu kali, maka Allah SWT berselawat kepadanya 10 kali selawat, dihapuskan darinya 10 kesalahan, dan ditinggikan baginya 10 darjat.

- 10 “Merariq Syar’i” Di Lombok: Studi Living Hadis Di Dusun Lendang Simbe (Salimudin, 2014)

لَا يَخْلُوَنَّ رَجُلٌ مَرَأَةً إِلَّا مَعَ ذِي مَحْرَمٍ.

Maksudnya:

Janganlah seorang laki-laki berduaan dengan seorang wanita kecuali dengan mahramnya.

al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-*
Bukhārī, Kitāb al-nikāḥ,
Bāb lā Yakhlu al-Rajul bi
Imra’ah illā dhū Maḥram
wa al-Ḍukhūl ‘ala al-
Mughībāt, No. 5233,

5. Perbincangan

Kajian telah mengumpulkan sebanyak 18 buah hadis dalam 10 penulisan yang berstatus jurnal akademik berkaitan dengan kajian *living hadith*. Keseluruhan hadis yang diperolehi kemudian dianalisis mengikut taraf hadis. Kajian mendapati sebanyak 18 hadis dijumpai dalam 10 penulisan jurnal *living hadith* ini, di mana 10 daripadanya bertaraf hadis sahih, 1 hadis bertaraf hadis *hasan*, 2 hadis bertaraf *hasan gharib* dan 5 hadis bertaraf *da'if*. Tiga daripada sepuluh buah penulisan artikel jurnal tersebut mengkaji *living hadith* dalam konsep kategori budaya lisan, manakala tujuh daripadanya mengkaji *living hadith* dalam konsep kategori budaya amalan. Manakala budaya tulisan tidak termasuk dalam perbincangan kerana tiada kajian yang ditemui. Keseluruhan hadis yang telah dikumpulkan telah menjadi sandaran kepada tradisi hidup sesebuah masyarakat di Indonesia. Dapatan kumpulan hadis ini menunjukkan juga menunjukkan tahap keprihatinan keprihatinan masyarakat dalam melihat kepada taraf hadis Rasulullah SAW. Ia mampu menjadi perkara yang membimbangkan apabila ia dilihat sebagai amalan amalan yang boleh memesongkan akidah (Mohd. Salleh et al., 2019).

Jadual 2. Taraf hadis berdasarkan amalan dalam penulisan *Living Hadith*

Bil.	Amalan	Taraf Hadis	Bil. Hadis
1	Barzanji	Sahih (1), <i>Da'if</i> (1)	2
2	Qunut Dalam Solat Maghrib	Sahih	1
3	Mandi Balimau	<i>Da'if</i>	1
4	Menjaga Kubur	Sahih	1
5	Mambadikan Paja	Sahih	1
6	Bekam	<i>Hasan gharib</i>	1
7	Merantau Dalam Menuntut Ilmu	Sahih (1), <i>Hasan</i> (1), <i>Hasan gharib</i> (1)	3
8	Tradisi Arebbe dan Bacaan Yasin	Sahih (2), <i>Da'if</i> (3)	5
9	Selawat <i>Diba' bi al-mustafa</i>	Sahih (2)	2
10	Merariq	Sahih	1
Jumlah Keseluruhan			18

5.1 Tradisi Barzanji

Tradisi barzanji telah diangkat sebagai sebuah fenomena yang berlaku di daerah Bugis, Sulawesi Selatan, Indonesia. Pembacaan kitab barzanji (syair puji-pujian kepada Nabi) menarik untuk dikaji kerana pembacaannya tidak menggunakan bahasa Arab sebaliknya menggunakan bahasa Bugis sendiri. Fatwa dari mufti ketiga Negeri Melaka iaitu Datuk Hj. Yunus bin Mohd. Yatim menyatakan bahawa amalan barzanji mempunyai kaitan dengan tradisi keagamaan bagi masyarakat Islam dan dianggap sebagai salah satu cabang kebudayaan Islam. Kitab barzanji mengandungi sejarah hidup Rasulullah SAW (Azri, 2010). Tujuan ia diadakan adalah untuk meraikan sambutan kelahiran Rasulullah SAW. Ini dilihat sebagai satu usaha menghidupkan sunnah Baginda SAW kemudian diaplikasikan dalam kehidupan mereka. Tradisi yang cuba dihidupkan ini berlandaskan kepada tiga buah hadis Rasulullah SAW. Namun begitu, dapatan menunjukkan penggunaan *living hadith* dalam amalan barzanji menggunakan tiga buah hadis. Walau bagaimanapun, penggunaan hadis yang disandarkan didapati dua daripadanya adalah berstatus *da'if* dan hanya satu hadis sahaja yang berstatus sahih (Muttakin, 2016).

5.2 Tradisi Qunut dalam Solat Maghrib

Tradisi qunut ketika menunaikan solat maghrib bukanlah satu kebiasaan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Islam di Yogyakarta, Indonesia. Menurut kajian (Aini, 2016). Namun di pondok pesantren Wahid Hasyim, Yogyakarta tradisi ini menjadi amalan yang diterapkan dalam kalangan pelajarnya. Kiai Saiful Anam adalah salah seorang tenaga pengajar di pesantren yang mengikuti fahaman Tarekat *Qadiriya Naqshabandiya*. Hadis yang menjadi panduan kepada amalan ini diyakini oleh mereka sepenuh hati. Bahkan hadis tersebut tidak menjadi satu isu kerana ianya adalah berstatus sahih.

5.3 Tradisi Mandi Balimau

Tradisi mandi balimau adalah upacara yang diamalkan oleh masyarakat Kuntu, Indonesia. Tujuan asal upacara ini adalah sebagai tanda syukur akan kehadiran bulan Ramadhan, bulan yang mulia. Amalan ini masih

berterusan kerana kitab itu dijadikan sebagai panduan dan pegangan oleh tokoh agama dalam masyarakat Kuntu, Indonesia (Dona, 2016). Walau bagaimanapun, hadis yang menjadi sandaran masyarakat ini tidak ditemui di dalam kitab-kitab hadis *kutub al-tis'at*. Hadis tersebut hanya ditemui di dalam kitab *Durratun Nāṣihīn* tanpa disertai dengan sanad yang jelas maka segi kualitinya maka ia dianggap sebagai hadis *ḍa'īf*. Bahkan hadis ini juga tidak ditemui dalam aplikasi *al-maktabah al-shāmilah*, Kitab *Durratun Nāṣihīn* adalah salah satu kitab klasik yang masyhur di kalangan pusat pengajian di Indonesia dan menjadi rujukan. Secara keseluruhan, Kitab *Durratun Nāṣihīn* ini menghimpun sejumlah kata-kata mutiara berunsur nasihat, peringatan, hikayat atau cerita menarik dan penjelasan hukum, serta permasalahan yang merangkumi perihal dunia dan akhirat (Fatullah, 2004).

5.4 Tradisi Menjaga Kubur

Sebuah fenomena lain yang berlaku di Kalimantan Selatan diamalkan oleh masyarakat Banjar di Indonesia adalah tradisi menjaga kubur. Tradisi ini berlaku kerana disandarkan kepada sebuah hadis Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, hadis tersebut berstatus sahih. Dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat yang melaksanakan amalan ini bertujuan melestarikan bacaan al-Quran; berniat menunaikan permintaan ahli keluarga yang meminta bantuan bahkan ada diantara mereka yang meletakkan tradisi ini sebagai punca pendapatan tambahan hidup (Jannah, 2014).

5.5 Tradisi Mambadikan Paja

Tradisi mambadikan paja yang diamalkan oleh masyarakat Pauh, pedalaman Kabupaten Agam, Indonesia. Tradisi ini ialah ungkapan rasa syukur atas kelahiran bayi menerusi proses adat yang berkaitan dengan keagamaan. Sebagai sebuah tradisi yang hidup, mambadikan paja menyatukan antara budaya dan agama. Hadis yang menjadi sandaran berstatus sahih. Apabila dilihat dari perspektif ilmu sosial, fenomena ini tidak bertentangan dengan prinsip dan dasar ajaran Islam (Gusnanda, 2017).

5.6 Tradisi Bekam

Penghidupan hadis bukan saja dari sudut kepercayaan bahkan dalam bidang perubatan. Perubatan bekam adalah satu bentuk sunnah Rasulullah SAW menggunakan benda tajam bagi mengeluarkan darah kotor daripada tubuh badan. Pengamalan berbekam ini yang dilakukan oleh pesantren Darussalam Eretan Indramayu, Indonesia. Kaedah rawatan ini juga diterapkan kepada ahli-ahlinya. Dengan tujuan dapat meneruskan rawatan berbekam kepada masyarakat sekeliling. Pesantren ini melaksanakan rawatan berbekam atas dasar ia cara perubatan yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW. Hadis yang menjadi sandaran amalan ini berstatus sahih (Umayah, 2014)

5.7 Merantau Dalam Menuntut Ilmu

Menuntut ilmu merupakan satu kewajiban bagi setiap muslim berlandaskan sebuah hadis sahih Rasulullah SAW. Masyarakat Minangkabau menjadikan tradisi merantau sebagai sebuah budaya dan sarana yang sangat membantu dalam proses menuntut ilmu. Fenomena ini dikategorikan sebagai *living hadith*. Menuntut ilmu melalui merantau adalah salah satu bukti bahawa Islam telah lama wujud di Minangkabau. Tercatat di dalam sejarah bahawa *Syeikh Ahmad Khaṭīb al-Minangkabawī* telah merantau dalam menuntut ilmu sehingga ke Masjid al-Haram dan menjadi sukarelawan disana pada akhir abad ke-19M (Yeni, 2017).

5.8 Bacaan Yasin

Tradisi Arebbe merupakan tradisi yang berkembang lama dalam kalangan masyarakat Situbondo, Desa Trebungan. Tradisi ini dilaksanakan pada malam Jumaat. Tradisi ini dilaksanakan atas dasar motivasi daripada hadis Rasulullah SAW. Makna yang terkandung dalam hadis adalah sebagai bentuk doa serta sedekah yang pahalanya dihadiahkan kepada orang yang sudah meninggal dunia. Begitu juga hadis Rasulullah SAW yang menjadi anjuran membacakan surah Yasin bagi mereka yang telah meninggal dunia. Walau bagaimanapun, hadis yang menjadi sandaran itu didapati berstatus *ḍa'īf* Imam al-Nawawī juga mengatakan sanad hadisnya adalah lemah kerana terdapat dua orang perawi yang *majhūl* (tidak dikenali) (Habsatun, 2018).

5.9 Selawat Dībā' bi al-muṣṭafā

Majlis selawat *Dībā' bi al-muṣṭafā* merupakan salah satu majlis yang melestarikan pembacaan syair-syair pujian kepada Rasulullah SAW. Bacaan selawat juga dianggap sebagai satu ibadah dengan mengagungkan Rasulullah SAW bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Menurut pandangan Ibn Hajar al-Haytāmī membenarkan aktiviti seperti sedekah, zikir, doa dan selawat ke atas Baginda SAW secara beramai-ramai. Asas yang diletakkan beliau adalah kerana aktiviti-aktiviti yang dianjurkan tersebut mengandungi manfaat dan kebaikan (Azri, 2010). Latar belakang munculnya tradisi ini adalah sebagai menzahirkan rasa cinta kepada Rasulullah SAW serta amalan ibadah kerohanian yang mententeramkan jiwa para Jemaah. Hasil daripada hadis yang disandarkan kepada amalan ini memiliki makna bagi masyarakat tergambar akan kehidupan harian Baginda SAW (Adrika, 2014).

5.10 Tradisi Merariq

Istilah *merariq* berasal dari bahasa Indonesia yang bermaksud berlari. Definisi *merariq* adalah tradisi melarikan gadis yang akan menjadi isteri iaitu kahwin lari. Realitinya, masyarakat Sasak, Indonesia menunjukkan bahawa proses perkahwinan mereka mempunyai pelbagai adat dan tradisi turun temurun. Kedatangan Islam ke Indonesia, membawa perubahan pengamalan *merariq* pada asalnya adalah pengamalan orang Hindu-Kristian. Meskipun begitu, tradisi *merariq* mendapat perhatian tokoh agama yang merasa tanggungjawab mereka untuk memberikan pencerahan tentang pengamalan yang dilihat sangat jauh tersasar daripada landasan al-Quran dan hadis. Jelas di sisi agama berdua-duaan bersama bukan muhrim adalah ditegah dalam agama. Menunjukkan bahawa masyarakat masih mempunyai kesedaran dan keinginan dalam mendalami ilmu agama (Salimudin, 2014).

6. Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap ahli sarjana Indonesia yang menulis kajian berkaitan *living hadith* ini menitikberatkan taraf hadis ketika mereka meletakkan sandaran *living hadith* menggunakan model *living hadith* yang mempunyai tiga bentuk iaitu dari sudut; tulisan, lisan dan amalan. Semua amalan dan tradisi masyarakat disandarkan sebagai *living hadith* seperti barzanji (berzanji), bacaan qunut ketika solat maghrib, mandi balimau (ritual menyambut bulan Ramadan), menjaga kubur, *membadakan paja* (adat memakai bedak pada bayi untuk mandi sungai), bekam, merantau dalam menuntut ilmu, tradisi *Arebbe* (moreh), bacaan Yasin dan Majlis *Dībā' bi al-muṣṭafā* (tradisi malam khamis majlis selawat *Dībā' bi al-muṣṭafā*). Sebanyak 18 hadis dijumpai dalam 10 penulisan jurnal *living hadith* ini, di mana 10 daripadanya bertaraf hadis sahih, 1 hadis bertaraf hadis *hasan*, 2 hadis bertaraf *hasan gharib* dan 5 hadis bertaraf *da'if*. Menunjukkan bahawa masyarakat Islam mempunyai usaha menghidupkan sunnah Baginda SAW dalam kehidupan harian mereka. Apa yang membimbangkan adalah amalan seseorang berpijak di atas anggapan yang salah dengan meyakini ianya berasaskan syarak walhal mampu menggadaikan dan memesongkan akidah. Rasulullah SAW sendiri adalah ikutan dan contoh yang paling baik buat sekalian umatnya. Walau bagaimanapun, penggunaan hadis yang dijadikan panduan dan landasan perlulah diteliti terlebih dahulu. Ini kerana terdapat segelintir masyarakat yang telah beramal dengan hadis *da'if*. Hukum meriwayatkan hadis *da'if* mengikut alim ulama telah bersepakat ke atas pengharaman memalsukan hadis sama seperti bersepakat ke atas pengharaman meriwayatkannya dengan ilmu pemalsuan. *Living hadith* adalah sebuah kajian yang kebanyakannya sudah diketahui bahawa kedudukan sanad dan matan hadis tidak menjadi perkara utama dalam kajian. Maka, kajian ini dilakukan bagi mengukur sejauhmana kebenaran hadis yang digunakan oleh masyarakat seiring yang dituntut oleh Baginda SAW.

7. Penghargaan

Kajian ini adalah sebahagian Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2017 dan Geran Usahasama Bersama UNISSA, Negara Brunei Darussalam 2019. No Geran: 2017/P/GPIK/INHAD/GPP-002 yang bertajuk "Penggunaan Konsep Living Hadis Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Malaysia Dan Negara Brunei Darussalam".

Rujukan

Adrika, F. (2014). Living hadith dalam Tradisi Malam Kamis Majelis Shalawat Dībā' bi al-Muṣṭafā. *International Journal of Islamic Studies*, 2(1), 221-235.

- Aini, S. (2016). Tradisi Qunut dalam Shalat Magrib di Pondok Pesantren Wahid Hasyim Yogyakarta. *Jurnal Living hadith*, 1(2), 228-242.
- Asni, F. A. H. M., Sulong, J., & Ismail, A. (2017). Penggunaan hadis daif dalam fatwa mengenai wasiat di Malaysia serta langkah penyelesaiannya. *Journal of Hadith Studies*, 2(1), 39-50.
- Azri, B. (2010). *Masalah sebagai satu justifikasi terhadap keharusan sambutan maulidur rasul di Malaysia* (Unpublished Doctoral dissertation), Kuala Lumpur, University of Malaya, (Record No. 5181).
- Dona, K. (2016). Tradisi Mandi Balimau di masyarakat Kuntu: Living Hadis Sebagai Bukti Sejarah. *Jurnal Living Hadith*, 1(2), 276-293.
- Fatullah, L. (2004). *Hadis-hadis lemah & palsu dalam kitab Durratun al-Nāṣiḥīn (keutamaan bulan Rejab, Sya'ban dan Ramadhan)*. Jakarta: Darus Sunnah.
- Ghouri, A. M. (2018). *Prinsip-prinsip asas dalam memahami Hadith Nabawi*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam.
- Gusnanda. (2017). *Living hadith dalam tradisi mambadikan paja masyarakat pauh nagari Kamang Mudik Kec. Kamang Magek Kab. Agam*. (Unpublished Masters Thesis). Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Imam Bonjol, Padang, Indonesia. Retrieved from <https://www.academia.edu/36135544>
- Habsatun, N. (2018). Tradisi Arebbe dalam masyarakat Situbondo (Studi Living Hadis). *Jurnal Ilmu al-Qur'an dan Hadith*, 1(1), 48-65.
- Hasbullah, T., & A. A. (2017). Ritual tolak bala pada masyarakat Melayu (Kajian pada masyarakat Petalangan Kecamatan Pangkalan Kuras Kabupaten Pelalawan). *Jurnal Ushuluddin*, 1(1), 83-100.
- Ibn Manzūr. (t.th.). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār al-Ṣādir.
- Jannah, M. (2014). Living hadith dalam Tradisi Menjaga Kubur Masyarakat Banjar Kabupaten Hulu Sungai Tengah Kalimantan Selatan. *Jurnal Ilmu-ilmu Ushuluddin*, 15(1), 1-16.
- Kizil, F. (2008). Fazlur Rahman's Understanding of the Sunnah/hadīth-A Comparison with Joseph Schacht's Views on the Subject. *Journal of Hadith Studies*, 2(2), 31-46.
- Margono, M. (2009). Keistimewaan Maktabah Syamilah dalam mentakhrij hadis. In *Seminar Takhrij Hadith Nusantara: Realiti Dan Keperluan Dalam Masyarakat* (pp. 30-31). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mustafa, A. (1998). *Pengkajian hadith: Kaedah dan persuratan*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Muttaqin, A. (2016). Barzanji Bugis dalam Peringatan Maulid: Studi Living hadith di Masyarakat Bugis, Soppeng, Sul-Sel. *Jurnal Living hadith*, 1(1), 129-150.
- al-Qāsimī, J. (1979). *Qawā'id fi 'Ulūm al-Hadīth*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Salimudin, S. (2014). “Merariq Syar’i” di Lombok: Studi Living Hadis di Dusun Lendang Simbe. *ESENSIA: Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin*, 15(1), 113-131.
- Salleh, N. M., Usman, A. H., Wazir, R., Shamsu, L. S. & Burhanudin, N. A. (2020). Living Sunnah menurut Fazlur Rahman: Satu sorotan literatur secara sistematik. *Jurnal Al-Burhān*, 4(1), 127-141.
- Salleh, N. M., Usman, A. H., Wazir, R., Shamsu, L. S. & Burhanudin, N. A. (2019). Living hadith as a social cultural phenomenon of Indonesia: A systematic review of the literature. *Journal Humanities & Social Sciences Review*. 7(6), 1125-1133. doi:10.18510/hssr.2019.76161
- Shamsudin, R., & Akhir, N. S. M. (2018). Hadis Daif: Analisis terhadap amalan-amalan kerohanian terpilih Masyarakat Melayu. *HADIS*, 8(16), 22-39. Retrieved from <http://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/2>
- Suryadilaga, M. (2016). *Aplikasi penelitian hadis dari teks ke konteks*. Yogyakarta: Kalimedia.
- Umayah, U. (2014). Living Hadits: Fenomena bekam di Pesantren Eretan Indramayu. *Holistik*, 15(1), 309-328.
- Yeni, A. (2017). Merantau dalam menuntut ilmu: Studi Living hadith oleh masyarakat Minangkabau. *Jurnal Living hadith*, 2(1), 69-81.